



KETUA Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berucap merasmikan Persidangan Sektor Awam CIO CONVEX 2018 (PSCC 2018) di Sepang, hari ini. - Foto BERNAMA

## Kaji guna teknologi rantaian blok dalam sektor awam

Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
cnews@nstp.com.my

SEPANG: Manfaat penggunaan 'blockchain technology' atau teknologi rantaian blok dalam tadbir urus sektor awam perlu dikaji ke arah meningkatkan ketelusan, integriti dan akauntabiliti perkhidmatan.

Sehubungan itu, kata Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar, beliau mahu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) meneroka dan mengkaji bagaimana agensi kerajaan boleh memanfaatkan penggunaan teknologi rantaian blok itu dalam tadbir urus sektor awam.

"Sebagai permulaan saya ingin MAMPU bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melihat bagaimana teknologi 'blockchain' ini dapat membantu meningkatkan proses kelulusan Pelaburan Langsung Asing (FDI) negara.

"Selepas itu, saya ingin semua kementerian mengikut dan mengkaji bagaimana kementerian mereka boleh mendapat manfaat daripada teknologi ini," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Sektor Awam CIO CONVEX 2018 (PSCC 2018) di sini, hari ini.

'Blockchain' adalah lebar digital dan urus niaga dicatatkan secara kronologi dan terbuka serta boleh digunakan dengan berkesan untuk mengelak penipuan.

Teknologi itu menggabungkan pangkalan data dan kriptografi untuk bertindak sebagai pentas pemindahan pelbagai urusan dengan pantas, selamat dan menjimatkan kos.

### Trending

KD Teguh iringi Equanimity

Suami isteri disamun dalam rumah

Terima padah meragut depan polis

Cukai golongan kaya hanya cetus kejutan

Murid Tahun Enam ditemui lemas dalam parit

### Disyorkan

Parlimen Sri Lanka pecat Rajapakse, krisis politik berlarutan

Tiada nama diterima untuk rombakan Kabinet - Anwar

Rombakan Kabinet awal bukti menteri tak berwibawa - Najib



BACA SETERUSNYA >

KD Teguh iringi Equanimity



Gaji menteri tetap dipotong 10 peratus



PSCC 2018 anjuran MAMPU yang bermula hari ini mengetengahkan kesungguhan Malaysia dalam mendukung teknologi digital terkini seiring dengan perkembangan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Ia adalah persidangan yang mengumpulkan semua Ketua Pegawai Maklumat (CIO) agensi kerajaan bersama-sama rakan strategik daripada industri digital, pakar tempatan serta antarabangsa bagi meneroka transformasi digital yang boleh dilaksanakan untuk memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Sementara itu, Ismail berkata MAMPU sudah membangunkan Pelan Digitalisasi Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan 2017-2020 yang akan menjadi pelan tindakan untuk menzahirkan agenda digital sektor awam. "Saya fikir sekarang adalah masa yang sesuai untuk membawa kertas cadangan itu dengan beberapa penambahbaikan supaya ia selaras dengan tumpuan kerajaan hari ini untuk diluluskan dan dilaksanakan.

"Bagi memastikan mekanisme pemantauan yang berkesan, sudah tiba masanya untuk kita menubuhkan struktur tadbir urus digital yang sesuai pada peringkat kebangsaan.

"Saya percaya bahawa MAMPU berupaya mencetuskan gerakan untuk menerajui inisiatif itu. Saya ingin mencadangkan MAMPU menyahut cabaran ini dan memasukkan struktur tadbir urus digital sebagai salah satu kertas kerja dalam mesyuarat Kabinet akan datang untuk pengesahan," katanya.



**FAA, Boeing kaji ubah perisian 737 MAX susulan nahas**



**Tidak perlu guna kata kesat kritik sasterawan**



**Petik kelapa sawit guna dron**



**BACA SETERUSNYA >**



**KWAP perkukuh transformasi digital**



**Dakwa Vaksin Haram Sebab Ada Gelatin Babi, Pegawai Perubatan Selar Kenyataan Individu Ini**

**BACA SETERUSNYA >**

